

Gagasan Worldview A.H.S memartabatkan pembangunan pendidikan dan pembinaan identiti bangsa

Azhar Wahid

Profesor Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: azhar@fbk.upsi.edu.my

Received: 25 Feb. 2025; **Revised:** 30 April 2025; **Accepted:** 25 May 2025; **Published:** 30 June 2025

To cite this article (APA): Wahid, A. (2025). Gagasan Worldview A.H.S memartabatkan pembangunan pendidikan dan pembinaan identiti bangsa. *PENDETA*, 16(1), 1-10. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.fa.1.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol16.1.fa.1.2025>

ABSTRAK

Makalah ini cuba memperlihatkan gagasan pemikiran pandangan dunia (worldview) Awang Had Salleh (A.H.S) yang terkandung dalam beberapa karya kreatif beliau yang berasaskan kepada nilai kemanusiaan yang mengangkat nilai keseimbangan antara intelek dan emosi, antara fakta dan perasaan, selari dengan konsep insan holistik dalam falsafah pendidikannya. Penelitian terhadap beberapa karya beliau; novel *Biru Warna*, antologi cerpen *Merah Kuning Biru*, antologi sajak *Sumpah Guru* dan drama *Buat Menyapu Si Air Mata* mencerminkan gabungan antara *pendidikan, budaya, dan sastera* sebagai wadah pendidikan dan pemasyarakatan Ilmu ke arah memartabatkan pembangunan pendidikan dan pembinaan identiti bangsa. Pemikiran A.H.S ini didapati selari dengan gagasan memartabatkan Kesusasteraan Melayu dalam pembinaan peradaban Malaysia berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015. Cetusan idea Dasar Pendidikan Negara yang dilakukan oleh A.H.S telah menimbulkan riak-riak dan gelombang besar dari era Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad ke zaman Perdana Menteri Najib Tun Razak demi kelangsungan pembinaan peradaban negara bangsa.

Kata Kunci: gagasan; pandangan dunia; pembangunan; pembinaan; identity

ABSTRACT

This paper presents the ideas of Awang Had Salleh's (A.H.S) worldview, where several of his creative works are based on human values that elevate the value of balance between intellect and emotion, between facts and feelings, in line with the concept of holistic human beings in his educational philosophy. Based on specific studies on several of his works such as; *Biru Warna* novel, the anthology short story *Merah Kuning Biru*, the anthology of poem *Sumpah Guru* and the drama *Buat Menyapu Si Air Mata* have reflected the combination of education, culture, and literature as a platform for education and socialization of knowledge towards advancing educational development and shaping national identity. The thought of A.H.S is found to be in line with the idea of upholding Malay Literature in the construction of Malaysian civilization based on the Malaysian Education Development Plan 2013-2015. The idea of the National Education Policy carried out by A.H.S has caused ripples and big waves from the era of Prime Minister Dr. Mahathir Mohamad to the era of Prime Minister Najib Tun Razak for the sake of continuity in the construction of a nation-state civilization.

Keywords: ideas; worldview; development; construction; identity

PENGENALAN

“Dan sesungguhnya Kami telah Kurniakan (pada masa yang lalu) Hikmat Kebijaksanaan kepada Luqman: “Bersyukurlah kepada Allah (terhadap segala nikmat-Nya kepada tuan hamba)”, dan sesiapa yang bersyukur; maka (faedahnya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri; dan sesiapa yang tidak bersyukur; maka sesungguhnya (itu tidak menjadi hal kepada Allah), kerana sesungguhnya Allah Maha kaya, Lagi Maha Terpuji.”

(Surah Luqman, Ayat 12)

Dalam sejarah perkembangan pendidikan dan pembangunan intelektual negara Tan Sri Dr. Awang Had Salleh (A.H.S) bukan sahaja dikenang sebagai seorang pendidik yang cemerlang, tetapi juga seorang pemikir, penggubal dasar pendidikan, sasterawan, dan ahli akademik yang berwibawa. Ketokohan dan kebijaksanaan Awang Had Salleh (A.H.S) terpancar dalam sumbangan besarnya kepada pembangunan sistem pendidikan negara, pemerkasaan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, serta usaha beliau dalam membentuk manusia yang seimbang dari segi akal, rohani dan jasmani.

Justeru itu, penulisan ini memperlihatkan gagasan pemikiran pandangan dunia (worldview) A.H.S yang terkandung dalam beberapa karya kreatif berasaskan kepada nilai kemanusiaan yang mengangkat nilai keseimbangan antara intelek dan emosi, antara fakta dan perasaan, selari dengan konsep insan holistik dalam falsafah pendidikannya. Penelitian terhadap beberapa karya beliau; novel *Biru Warna*, antologi cerpen *Merah Kuning Biru*, antologi sajak *Sumpah Guru* dan drama *Buat Menyapu Si Air Mata* mencerminkan gabungan antara pendidikan, budaya, dan sastera sebagai wadah pendidikan dan masyarakatan ilmu ke arah memartabatkan pembangunan pendidikan dan pembinaan identiti bangsa.

Worldview Memartabatkan Pembangunan Pendidikan

Ketokohan Awang Had Salleh bukan sahaja terletak pada gelaran atau jawatan tinggi yang disandangnya, tetapi lebih utama pada sumbangan dan pemikiran besar beliau dalam memajukan pendidikan dan budaya bangsa. Pemikiran serta warisannya terus relevan dalam usaha negara membina masyarakat yang bersatu, berilmu dan berbudaya tinggi. Di samping itu, ketokohan beliau harus terus dipelajari, dihargai dan diangkat sebagai inspirasi kepada generasi pendidik dan pemimpin masa hadapan.

Awang Had Salleh telah memainkan peranan penting dalam memartabatkan pembangunan pendidikan negara Malaysia. Sumbangannya dalam aspek dasar pendidikan, pemikiran falsafah, pembangunan institusi dan pemartabatan bahasa ibunda menjadi legasi yang terus mempengaruhi hala tuju pendidikan negara hari ini. Beliau bukan sahaja tokoh pendidikan, malah seorang pemikir bangsa yang meletakkan asas kukuh kepada pembentukan sistem pendidikan yang bersifat holistik dan berteraskan nilai. Di samping itu, AHS merupakan seorang tokoh pendidikan tersohor yang meninggalkan legasi intelektual dan falsafah pendidikan yang amat besar dalam sejarah pembangunan pendidikan negara. Sebagai seorang sarjana, pemikir dan pentadbir pendidikan, beliau telah memainkan peranan penting dalam merangka hala tuju sistem pendidikan Malaysia yang bersifat holistik, berasaskan nilai dan budaya kebangsaan. Oleh sebab itu, beliau wajar digelar sebagai arkitek pemikiran pendidikan negara Malaysia.

AHS terkenal dengan pandangan yang progresif tetapi tetap berakar pada nilai kebangsaan dan tradisi tempatan. Antara sumbangan paling penting beliau:

1. *Perintis Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), yang diumumkan secara rasmi pada tahun 1988 dan menjadi asas sistem pendidikan negara hingga ke hari ini. FPK menekankan:*
 - i. pembangunan insan secara menyeluruh dan bersepadu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani
 - ii. melahirkan individu yang seimbang, harmonis, dan mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara
 - iii. pendidikan yang berteraskan nilai moral, budaya dan jati diri kebangsaan

Awang Had Salleh memainkan peranan besar dalam memperkenalkan idea ini, dengan menegaskan bahawa pendidikan perlu menjadi alat pembentukan tamadun bangsa, bukan sekadar untuk pembangunan ekonomi semata-mata. Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) merupakan tunjang kepada sistem pendidikan Malaysia. Ia dirangka bukan semata-mata untuk mencapai kejayaan akademik, tetapi lebih mendalam untuk melahirkan insan yang seimbang, berkualiti dan berjati diri. FPK bukan hanya satu dasar, tetapi satu panduan menyeluruh yang menjadi kerangka utama dalam membentuk tamadun bangsa Malaysia. Dalam erti kata lain, pendidikan yang berlandaskan FPK ialah alat pembinaan bangsa yang bermaruah, bersatu dan berdaya saing dalam dunia global; *“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan”*. Falsafah ini menekankan empat teras penting sebagai alat pembentukan tamadun bangsa:

- i. Falsafah ini menekankan pendidikan sebagai medium untuk melahirkan manusia yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga beretika. Tamadun hanya dapat dibina apabila warganya memiliki kesedaran moral, nilai kemanusiaan, dan kebijaksanaan intelektual. Ini menjadikan FPK satu dasar yang menanam nilai dalam setiap individu sebagai asas masyarakat bertamadun.
- ii. FPK menekankan pentingnya pembentukan jati diri rakyat Malaysia melalui pendidikan. Dalam membina tamadun bangsa yang kukuh, rakyat perlu memahami akar budaya dan sejarah mereka. Pendidikan berasaskan FPK memastikan pelajar didedahkan kepada warisan budaya tempatan, bahasa kebangsaan, dan nilai kenegaraan.
- iii. Tamadun yang hebat berdiri atas asas perpaduan. Melalui sistem pendidikan yang berteraskan FPK, murid diajar untuk menghargai kepelbagaian budaya serta membina semangat toleransi dan muhibah. Subjek seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, dan Sejarah membawa nilai ini dan menyumbang kepada pembinaan bangsa yang bersatu.
- iv. FPK juga menggabungkan aspirasi untuk melahirkan modal insan yang kompeten dan relevan dengan cabaran global. Pendidikan tidak hanya tertumpu pada aspek teori tetapi juga pembangunan kemahiran abad ke-21 seperti kreativiti, kepimpinan, pemikiran kritis dan celik teknologi. Ini membolehkan Malaysia membina tamadun yang bersifat global tetapi tetap berakar lokal.

Namun, dalam pelaksanaan FPK, masih terdapat cabaran seperti ketidakseimbangan kualiti pendidikan antara bandar dan luar bandar, kelemahan dalam penghayatan nilai murni, dan pengaruh budaya luar yang melemahkan identiti nasional. Oleh itu, tindakan seperti pemeraksanaan latihan guru, pemantauan pelaksanaan kurikulum berasaskan FPK, dan penglibatan masyarakat secara aktif dalam pendidikan perlu diperkukuhkan.

2. Penekanan kepada Pendidikan Berteraskan Budaya dan Nilai

Beliau membawa pendekatan unik dalam dasar pendidikan dengan menekankan kearifan tempatan dan nilai budaya Melayu dalam sistem pembelajaran. Beliau percaya bahawa pendidikan harus menanamkan kefahaman terhadap sejarah, adat, dan warisan bangsa sebagai asas kepada jati diri pelajar.

Pandangan ini membentuk dasar-dasar seperti:

- i. pengenalan subjek Sejarah sebagai subjek wajib lulus
- ii. integrasi nilai murni dalam kurikulum kebangsaan
- iii. pemupukan identiti nasional dalam sistem persekolahan

3. Pemartabatan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu

Sebagai penyokong kuat bahasa kebangsaan, Awang Had Salleh memperjuangkan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pendidikan tinggi. Beliau melihat bahawa dasar pendidikan negara perlu berasaskan kepada penggunaan bahasa ibunda bagi membina tamadun ilmu sendiri yang tidak bergantung kepada budaya luar. Beliau turut terlibat dalam dasar awal yang menyokong:

- i. penggunaan bahasa Melayu di universiti tempatan
- ii. penterjemahan ilmu moden ke dalam bahasa Melayu
- iii. pembangunan istilah ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu

4. Pembangunan Dasar Pendidikan Tinggi

Sebagai bekas Naib Canselor UKM dan pengasas UUM, beliau menyumbang kepada dasar berkaitan:

- i. penubuhan universiti berdasarkan kepakaran bidang seperti pengurusan (UUM)
- ii. penekanan kepada bidang sosial dan kemanusiaan, bukan hanya sains dan teknologi
- iii. pengembangan akses pendidikan tinggi kepada pelbagai lapisan masyarakat

5. Pemikiran Terhadap Pembentukan Dasar Jangka Panjang

Awang Had Salleh juga menulis dan menyumbang kepada pemikiran dasar jangka panjang pendidikan melalui pelbagai forum, kertas kerja dan penulisan ilmiah. Beliau menekankan:

- i. pendidikan sebagai alat perubahan sosial
- ii. perlu ada kesinambungan antara sistem pendidikan dan keperluan masyarakat
- iii. dasar pendidikan perlu disesuaikan dengan realiti budaya dan geopolitik Malaysia

Dalam konteks ini, AHS telah memberi sumbangan besar dalam membentuk dasar pendidikan negara yang berteraskan nilai, budaya, dan keperluan masyarakat Malaysia. Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang beliau ilhamkan menjadi tonggak utama sistem pendidikan hari ini. Pemikirannya terus menjadi rujukan dalam menggubal dasar yang inklusif, progresif dan berkebudayaan tinggi.

Di samping itu, KONPEN (Kovensyen Pendidikan Nasional) merupakan ilham yang dicetuskan oleh AHS sebagai satu wadah untuk mengadakan wacana membincangkan pelbagai isu pendidikan negara. AHS berjaya menganjurkan 14 kali persidangan (1976 – 2014) dianjurkan oleh Persatuan Suluh Budiman (PBS) dan Persatuan Alumni Suluh Budiman (PASB) di UPSI. KONPEN ini diadakan dulunya pada setiap tahun di negeri-negeri yang berbeza dan dikelolakan oleh alumni SITC, MPSI, IPSI dan UPSI. Contoh isu perbincangan KONPEN:

Pengukuhan Jati Diri dan Patriotisme dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan Malaysia

Kerajaan Malaysia telah merangka satu Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 Pendidikan Prasekolah hingga lepasan Menengah pada 2013. Sebelum itu, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pelajaran, telah menerbitkan Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 - 2025) pada September 2012 dan laporan ini dibukukan untuk memberi pandangan daripada rakyat Malaysia dan maklum balas tentang Laporan Awal pelan ini sebelum peringkat akhir pelan ini dihasilkan pada Disember 2012. Sejak bulan Oktober 2011, Kementerian Pelajaran telah melaksanakan kajian semula Sistem Pendidikan Negara Malaysia. Dokumen awal Pelan Pembangunan Negara dalam sistem pendidikan Malaysia dengan mengambil kira secara objektif pencapaian lampau dan membandingkannya dengan tanda aras antarabangsa. Pelan ini melakarkan visi sistem pencapaian urid yang dapat memenuhi keperluan negara pada masa depan. Pelan ini mencadangkan 11 anjakan strategik dan operasi yang perlu dilaksanakan oleh Kementerian bagi mencapai visi yang dihasratkan. Usaha ini telah dirancang dan akan dilaksanakan untuk mentransformasikan Sistem Pendidikan Negara.

Bagi menyahut gagasan Kementerian Pelajaran ini, Gabungan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) bersama 21 badan kerabatnya dan lebih kurang 30 wakil badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) telah mengambil daya usaha mengadakan seminar dan menyiapkan resolusi yang diputuskan dengan cara mengumpul pandangan-pandangan dari NGO, bersama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Di samping itu, wakil-wakil GAPENA telah hadir di pertemuan-pertemuan yang diadakan di setiap negeri dan memberi maklum balas dan cadangan agar kerajaan tetap meneruskan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan Akta Pendidikan Kebangsaan 1996 dan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Di samping itu GAPENA tetap mencadangkan agar Kerajaan tegas melaksanakan dan memartabatkan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu untuk meningkatkan semangat kebangsaan, sebagai agenda utama membentuk dan menguatkan jati diri serta semangat patriotisme dalam pembinaan negara bangsa Malaysia yang kukuh dan bersatu padu dalam peradaban Malaysia. Ini selaras dengan usaha Kerajaan Malaysia bagi melahirkan pewaris dan warganegara Malaysia yang setia dan berpaksikan kepada Satu Negara, Satu Bahasa dan Satu Bangsa yang berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Ini juga dijelaskan dalam gagasan 1 Malaysia yang menjadi perjuangan Kerajaan Malaysia.

Antara masalah dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan Dasar dan Falsafah Pendidikan Negara bagi setiap murid dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran untuk kerjaya dalam kehidupan. Berdasarkan pengiktirafan di peringkat global, kemahiran murid adalah tidak mencukupi sekadar menguasai 3M (membaca, menulis dan mengira) apabila mereka meninggalkan persekolahan. Tumpuan bukan hanya kepada kepentingan pemerolehan ilmu pengetahuan, tetapi juga pembangunan kemahiran berfikir aras tinggi. Prestasi murid Malaysia telah meningkat sejak beberapa dekad yang lalu, namun pencapaian yang membanggakan itu menghadapi risiko dari segi relatif dan mutlak. Hal ini disebabkan sistem pendidikan negara lain dapat meningkatkan prestasi murid dengan lebih cepat dan mampu mengekalkan momentum tersebut secara berterusan. Jurang pencapaian antara Sistem Pendidikan Malaysia dan negara lain semakin melebar. Keduanya, pentaksiran antarabangsa menunjukkan prestasi murid Malaysia semakin merosot dari segi mutlak. (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, halaman 54-61, Prestasi Akademik Murid Berbanding Standart Antarabangsa).

Kemahiran minimum dalam Matematik dan Sains pada tahun 2007, iaitu peningkatan dua hingga empat kali ganda daripada 7% dan 5% masing-masing pada tahun 2003. Keputusan PISA juga tidak memberangsangkan kerana kedudukan Malaysia terletak dalam kelompok sepertiga terbawah dalam kalangan 74 negara peserta. Pencapaian ini juga meletakan Malaysia bawah pencapaian purata antarabangsa dan OECD (Ekshibit-3). Hampir 60% murid berumur 15 tahun yang menyertai PISA gagal mencapai tahap kemahiran minimum dalam Matematik, manakala 44% dalam Bacaan dan 43% dalam Sains tidak mencapai tahap kemahiran minima. Perbezaan skor sebanyak 38 mata dalam PISA adalah bersamaan dengan satu tahun persekolahan. Secara perbandingan, pencapaian murid berumur 15 tahun di Singapura, di Korea Selatan, di Hong Kong dan di Shanghai seolah-olah mempunyai tiga atau lebih tahun persekolahan berbanding dengan murid berumur 15 tahun di Malaysia.

Cabaran yang serius juga wajar diberi perhatian oleh setiap rakyat Malaysia. Dalam Laporan Awal ini kewujudan pelbagai jenis sekolah kebangsaan dan swasta di peringkat rendah dan menengah dalam sistem pendidikan menyediakan peluang kepada ibu bapa untuk memilih jenis sekolah bagi anak-anak mereka. Walau bagaimanapun kewujudan persekitaran etnik yang homogen di sekolah menimbulkan kebimbangan tentang kurangnya peluang untuk berinteraksi di kalangan murid. Demi pengukuhan identiti dan perpaduan nasional, interaksi dalam kalangan murid perlu dipertingkatkan bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan aspirasi masa depan Malaysia. Situasi kepelbagaian jenis sekolah yang wujud dalam sistem pendidikan pada masa ini tidak menyumbang kepada interaksi yang dihasratkan (PPM 2013-2013 halaman 8). Program rancangan Intergrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) menerusi aktiviti kokurikulum bagi mengukuhkan interaksi dalam pelbagai jenis sekolah dalam usaha mencapai perpaduan. Pentingnya bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya dan guru daripada pelbagai etnik, agama, budaya dan latar belakang sosio-ekonomi.

Bagi menghadapi cabaran ini, Kementerian telah menyediakan Program Rancangan Intergrasi Murid untuk perpaduan menerusi aktiviti kokurikulum dan berinteraksi dalam (RIMUP) usaha mencapai kesepakatan bagi setiap murid berinteraksi dan belajar bersama-sama rakan sebaya bersama guru daripada pelbagai etnik dan latar belakang sosio-ekonomi. Berdasarkan kajian semula yang dijalankan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) mendapati program RIMUP berjaya mewujudkan pergaulan antara etnik di dalam dan di luar bilik darjah. Oleh sebab kekurangan

peruntukan, telah berlaku penurunan yang ketara dari sudut pengisian dan bilangan aktiviti untuk program RIMUP.

Di samping itu Laporan ini telah mengwujudkan enam ciri utama yang diperlukan oleh setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian dan Identiti Nasional. Ini selaras dengan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi membangunkan pendidikan seimbang sebagai asas pencapaian aspirasi setiap murid. Pelan ini merujuk sistem pendidikan berprestasi tinggi yang dicapai oleh negara lain bagi mengenal pasti kemahiran khusus yang boleh diterapkan kepada murid bagi membolehkan mereka meneraju pembangunan ekonomi global (ekshibit8).

Bagi melaksanakan Gagasan Pendidikan Kebangsaan ini, Kementerian Pelajaran telah mengenal pasti sebelas anjakan yang perlu dilakukan bagi menghasilkan perubahan yang dihasratkan oleh semua rakyat Malaysia, iaitu:

- i. menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa
- ii. memastikan setiap murid mahir dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dan digalakkan mempelajari bahasa tambahan
- iii. melahirkan rakyat Malaysia menghayati nilai
- iv. mentranformasi profesion keguruan menjadi profesion pilihan
- v. memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah
- vi. mengupaya JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan
- vii. memanfaatkan ICT bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia
- viii. mentranformasi kebolehan dan keupayaan penyampaian kementerian
- ix. bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas
- x. memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit
- xi. meningkatkan ketulusan untuk kebertanggungjawaban awam secara langsung

Bagi menyokong dan melahirkan rakyat Malaysia mempunyai penghayatan nilai yang tinggi, GAPENA tetap mencadangkan subjek Kesusasteraan Melayu turut dijadikan subjek wajib kerana ia dapat memainkan peranan penting untuk membina perwatakan rakyat dan pewaris bangsa Malaysia yang mempunyai kekuatan jati diri, patriotik, hormat-menghormati, di samping memantapkan warisan peradaban Malaysia. Ini selaras dengan salah satu aspirasi Sistem Pendidikan Malaysia yang meletakkan perpaduan sebagai satu ciri sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepelbagaian. Subjek Kesusasteraan Melayu dapat membantu sekolah memainkan peranan penting untuk memupuk perpaduan melalui interaksi dengan individu dari pelbagai latar belakang sosio-ekonomi, agama dan menghargai kepelbagaian. Dengan cara ini, perkongsian nilai dan pengalaman dapat dibina untuk masa depan Malaysia melalui nilai dan pengalaman ini, maka terbentuk jati diri kebangsaan (identiti nasional) yang sama dan terjalinnya perpaduan negara. (PPM 2013-2016, hal. Bab 2 (2-4) – Visi dan Aspirasi).

Pembinaan Identiti Bangsa

Salah satu pemikiran utama Awang Had Salleh ialah bahawa pendidikan merupakan alat utama dalam pembinaan tamadun dan identiti bangsa yang berakar pada budaya sendiri tetapi bersifat terbuka dan progresif. Komitmen beliau terhadap bahasa, budaya dan nilai menjadikannya tokoh penting dalam merangka pendekatan pendidikan yang benar-benar menyumbang kepada pembinaan bangsa. Beliau menolak pendekatan pendidikan yang sekadar meniru sistem Barat tanpa mengambil kira konteks budaya tempatan. Menurut beliau, sistem pendidikan yang berjaya ialah yang mampu membentuk generasi berilmu, berakhlak dan sedar akan asal-usul serta tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara. Beliau percaya bahawa hanya dengan memahami akar budaya sendiri barulah sesuatu bangsa mampu membina tamadun yang berdaya tahan dan berdaulat. Maka itu, pendidikan perlu bersifat membina dan memperkukuh jati diri kebangsaan.

Awang Had Salleh sangat tegas dalam memperjuangkan bahasa Melayu sebagai alat pembentukan identiti bangsa. Bagi beliau, bahasa ialah jiwa dan wahana budaya sesebuah bangsa. Tanpa bahasa kebangsaan yang berfungsi dalam bidang ilmu dan pendidikan tinggi, identiti nasional tidak akan kukuh. Beliau menegaskan pentingnya:

- i. menjadikan bahasa Melayu bahasa utama dalam pendidikan dan pengajian tinggi
- ii. membangunkan istilah ilmiah dalam pelbagai bidang untuk memperkasa bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu
- iii. menterjemah karya-karya besar ke dalam bahasa kebangsaan untuk memperkayakan wacana ilmu tempatan

Pemikiran ini menegaskan bahawa pembinaan identiti bangsa perlu bermula dengan penguasaan dan kebanggaan terhadap bahasa sendiri.

Di samping itu, AHS juga menekankan bahawa pendidikan perlu diasaskan pada nilai dan budaya tempatan. Dalam sistem pendidikan moden yang sering terpengaruh oleh unsur luar, beliau menekankan pentingnya mengekalkan unsur tradisi seperti kesantunan, hormat kepada guru, nilai kekeluargaan dan semangat bermasyarakat.

Antara ideanya ialah:

- i. pendidikan harus menjadi medium pembudayaan ilmu, bukan hanya pemindahan pengetahuan
- ii. kurikulum harus menggambarkan realiti sosial dan budaya Malaysia
- iii. pelajar perlu didedahkan kepada sejarah, adat, dan falsafah bangsa sendiri bagi memahami siapa diri mereka sebagai rakyat Malaysia

Pemikiran pembinaan Identiti bangsa dapat diperlihat dengan jelas dalam karya kreatif beliau novel *Biru Warna*, antologi cerpen *Merah Kuning Biru*, antologi sajak *Sumpah Guru* dan drama *Buat Menyapu Si Air Mata* mencerminkan gabungan antara *pendidikan, budaya, dan sastera* sebagai wadah pendidikan dan masyarakatan Ilmu ke arah memartabatkan pembangunan pendidikan dan pembinaan identiti bangsa. Beliau melihat sastera bukan sekadar hiburan, tetapi sebagai alat untuk:

- i. Mendidik masyarakat
- ii. Menyampaikan nilai murni dan moral
- iii. Mengembangkan pemikiran dan kefahaman tentang kehidupan serta peradaban

Contoh pemikiran: Beliau pernah menulis bahawa "sastera itu ialah cermin nilai dan akal budi sesuatu bangsa".

Novel *Biru Warna* karya Awang Had Salleh diterbitkan pada tahun 1964 dan merupakan salah satu karya penting dalam sastera Melayu pasca-kemerdekaan. Novel ini menggambarkan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan menyoroti isu-isu integrasi nasional melalui interaksi antara watak-watak dari pelbagai latar belakang. Pemikiran pengarang dalam novel ini mencerminkan usaha untuk menonjolkan nilai-nilai integrasi sosial dalam masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Novel ini mengisahkan percintaan antara Ramli, seorang pemuda Melayu, dan Swee Lan, seorang gadis Cina, yang menghadapi pelbagai cabaran akibat perbezaan budaya, agama, dan prasangka perkauman.

Awang Had Salleh menggunakan watak-watak dalam novel ini untuk menggambarkan konflik antara tradisi dan kemodenan, serta antara masyarakat desa dan bandar. Melalui perwatakan Ramli yang berasal dari latar belakang pondok dan Swee Lan yang terdedah kepada pendidikan Barat, pengarang menunjukkan perbezaan dalam sistem pendidikan dan nilai-nilai sosial yang ada pada masa itu. Kritikan terhadap sistem pondok dan golongan ustaz yang dianggap tidak menunjukkan kemajuan juga diselitkan dalam karya ini, mencerminkan pandangan pengarang terhadap pentingnya perubahan dan adaptasi dalam masyarakat. Selain itu, novel ini juga menyentuh isu perkahwinan campur dan penyimpangan sosial, yang pada masa itu dianggap kontroversial. Melalui penggambaran hubungan antara Ramli dan Swee Lan, Awang Had Salleh mengajak pembaca untuk merenung tentang batasan-batasan sosial dan pentingnya keterbukaan dalam membina hubungan antara kaum.

Manakala pemikiran AHS dalam antologi cerpen *Merah Kuning Biru* (1966) mencerminkan keprihatinan beliau terhadap isu-isu sosial dan budaya yang relevan pada zamannya. Melalui karya-karya dalam antologi ini, beliau menyoroti pelbagai aspek kehidupan masyarakat, termasuk konflik antara kaum, perbezaan budaya, dan cabaran dalam membina identiti nasional pasca-kemerdekaan.

1. Tema Integrasi Kaum dan Perpaduan Sosial

Dalam cerpen-cerpen seperti "Antara Dua Dunia" dan "Tiga Dunia", Awang Had Salleh menggambarkan konflik dalaman individu yang terperangkap antara dua budaya yang berbeza. Watak-watak dalam cerpen ini sering kali berhadapan dengan dilema identiti, mencerminkan realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum pada masa itu. Melalui naratif ini, beliau mengajak pembaca untuk memahami dan menghargai kepelbagaian budaya sebagai asas kepada perpaduan sosial.

2. Kritik Sosial terhadap Struktur Sosial dan Ekonomi

Cerpen seperti "Surat untuk Ibu" dan "Pengabdian" menyentuh isu-isu ketidakadilan sosial dan ekonomi. Melalui watak-watak yang terpinggir dan berjuang untuk kelangsungan hidup, Awang Had Salleh mengkritik struktur sosial yang menindas golongan bawahan. Beliau menggunakan medium sastera untuk menyuarakan ketidakpuasan terhadap ketidaksamarataan dalam masyarakat.

3. Penggunaan Simbolisme Warna sebagai Alat Naratif

Antologi ini juga dikenali dengan penggunaan simbolisme warna dalam tajuknya. Warna merah, kuning, dan biru bukan sahaja merujuk kepada warna-warna dalam bendera Malaysia, tetapi juga melambangkan pelbagai elemen dalam masyarakat, seperti semangat perjuangan (merah), kemakmuran (kuning), dan keharmonian (biru). Melalui simbolisme ini, Awang Had Salleh mengajak pembaca untuk merenung makna di sebalik warna-warna tersebut dalam konteks kehidupan bernegara.

4. Pengaruh Pengalaman Peribadi dalam Penulisan

Latar belakang Awang Had Salleh sebagai seorang pendidik dan cendekiawan turut mempengaruhi pemikirannya dalam penulisan. Pengalaman beliau dalam bidang pendidikan dan interaksi dengan pelbagai lapisan masyarakat memberikan perspektif yang mendalam terhadap isu-isu sosial. Hal ini jelas terlihat dalam cerpen-cerpen yang menekankan pentingnya pendidikan sebagai alat untuk perubahan sosial dan pembangunan negara. Seterusnya dalam drama *Buat Menyapu Si Air Mata* (1975) pemikiran pengarang AHS mencerminkan kritikan sosial yang mendalam terhadap penyalahgunaan kuasa, keruntuhan moral, dan cabaran dalam integrasi nasional pasca-kemerdekaan. Melalui pendekatan realisme, beliau menyoroti pertembungan antara nilai tradisional desa dan pengaruh negatif kota, serta peranan individu dalam menegakkan keadilan dan kebenaran.

1. Kritik terhadap Penyalahgunaan Kuasa dan Rasuah

Drama ini mengisahkan Samad, seorang pegawai kerajaan yang cuba membawa amalan rasuah dan maksiat dari kota ke desa yang masih murni. Kedatangan Bee Eng, seorang wakil kapitalis, memperlihatkan bagaimana golongan kapitalis mengeksploitasi individu yang lemah seperti Samad. Awang Had Salleh menggunakan watak Kamal, sahabat Samad, untuk menyedarkan Samad tentang kesilapannya dan memulihkan keadaan. Melalui konflik ini, drama ini menekankan pentingnya integriti dan kesedaran sosial dalam menghadapi cabaran moral dalam masyarakat.

2. Perbandingan antara Nilai Tradisional dan Pengaruh Kota

Awang Had Salleh menggambarkan pertembungan antara nilai-nilai tradisional desa yang murni dengan pengaruh negatif dari kota. Samad, yang terpengaruh oleh budaya kota, cuba membawa perubahan yang merosakkan kepada masyarakat desa. Kehadiran Kamal, yang mewakili nilai-nilai

murni, berfungsi sebagai agen perubahan yang cuba memulihkan keadaan dan mengembalikan nilai-nilai tradisional yang positif.

3. Peranan Individu dalam Menegakkan Kebenaran

Melalui watak Kamal, drama ini menekankan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk menegakkan kebenaran dan keadilan dalam masyarakat. Walaupun kedatangannya agak terlambat, Kamal masih berusaha untuk memperbetulkan keadaan dan menyelamatkan sahabatnya, Samad, dari kesilapan yang boleh merosakkan masyarakat. Ini menunjukkan bahawa perubahan positif dalam masyarakat bermula dengan kesedaran dan tindakan individu.

4. Penggunaan Simbolisme dalam Naratif

Awang Had Salleh menggunakan simbolisme lagu "Tudung Periuk" yang diulang-ulang dalam drama ini untuk menambah dimensi emosi dan romantisme dalam naratif. Simbolisme ini tidak hanya memperkaya cerita, tetapi juga memperlihatkan sisi kemanusiaan watak-watak, terutama dalam menghadapi konflik sosial dan moral. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa melalui *Buat Menyapu Si Air Mata*, Awang Had Salleh berjaya menyampaikan pemikiran kritis terhadap isu-isu sosial dan moral dalam masyarakat pasca-kemerdekaan. Drama ini mengajak penonton untuk merenung peranan individu dalam menegakkan nilai-nilai murni dan menghadapi cabaran dalam integrasi nasional. Dengan pendekatan realisme dan simbolisme yang efektif, beliau memperlihatkan bahawa perubahan positif dalam masyarakat bermula dengan kesedaran dan tindakan individu.

KESIMPULAN

Awang Had Salleh merupakan tokoh akademik dan sasterawan negara yang telah memberikan sumbangan besar dalam usaha memartabatkan pembangunan pendidikan dan membentuk identiti bangsa Malaysia melalui sumbangan jasa bakti dalam pendidikan negara dan karya-karya kreatif beliau. Beliau bukan sahaja seorang pendidik, tetapi juga seorang penulis prolifik yang menghasilkan cerpen, novel, drama, dan puisi yang mencerminkan nilai-nilai budaya dan perpaduan masyarakat Malaysia. Di samping itu, melalui penulisan yang mendalam dan penuh makna, beliau telah membantu masyarakat memahami nilai-nilai perpaduan, keharmonian, dan kebudayaan yang menjadi asas kepada pembentukan negara bangsa Malaysia. Dalam konteks ini, sumbangan Awang Had Salleh dalam Membina Identiti Bangsa dapat memperkukuh perpaduan kaum. Cermin melalui karya-karya beliau, Awang Had Salleh menekankan pentingnya memahami dan menghormati budaya pelbagai kaum di Malaysia. Seterusnya usaha beliau Berjaya memelihara bahasa dan budaya; dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dan budaya tempatan melalui penulisan dan pengajaran. Akhirnya usaha beliau sebagai pendidik dapat mendidik generasi muda ke arah membentuk pemikiran kritis dan kesedaran budaya dalam membina identiti bangsa yang progresif.

Rujukan

- Abdul Latif Abu Bakar & Mohd Yusof Hasan. (2015). *Memartabatkan Kesusasteraan Melayu dalam Peradaban Malaysia*. Tanjong Malim; Penerbit UPSI.
- Awang Had Salleh. (1966). *Merah Kuning Biru*. Kuala Lumpur: Federal Publication.
- Awang Had Salleh. (1975). *Buat Menyapu Si Air Mata*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1976). *Biru Warna*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Wahid dan Abdul Latif Abu Bakar. (2019). *Penyatuan Dalam Pembinaan Peradaban Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- A.Aziz Deraman dan Rohani Zainal Abidin (peny). (2003). *Globalisasi dan Peradaban di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Deraman. (2005). *Intelektualisme Budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar Hj.Wahid. (2015). *Kritikan Intelektualisme Sastera Moden*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Bateson G. (1980). *Mind and Nature*. London; Fontana Papeerback.
- Diana Laurenson & Alan Swingewood. (1972). *The Sociology of Literature*. London: Paladin Books.
- Graham Hough. (1966). *An Essay on Cricism*. New York: Norton Library.
- Hamzah Hamdani. (1982). *Novel-novel Malaysia Dalam Kritikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hudson David. (2009). *Good Teacher.Good School*. London: Routledge.
- Mohd Yusoh Hasan. (2019). *Awang Had Salleh: Legenda Pendidikan Global Malaysia*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Mohd Yusoh Hasan. (2015). *Minda Melayu Global*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hj. Salleh. (2012). *Pandangan Dunia Melayu Pancaran Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. (1988). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- T. P. & Mohd Helmi Abd Rahim, (2014). Development of journalism ethics: A comparative analysis of codes of ethics in Nigeria, United Kingdom, United States of America, India and Russia. *Jurnal Komunikasi*. 30(2), 221-238.
- Wan Abdul Kadir. (1994). *Nilai dan Worldview Orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.